

09/10/1997

Dasar pragmatik PM ubah masyarakat

KUCHING, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah 'Bapa Perubahan dan Bapa Wawasan' kepada seluruh rakyat Malaysia, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Datuk Bandar Abang Mustapha.

Menurutnya, melalui dasar dan gagasan Perdana Menteri yang pragmatik, telah berjaya mengubah corak hidup masyarakat Malaysia yang berbilang kaum untuk menikmati arus pembangunan dan nikmat kemerdekaan sebenar.

"Selaku anggota Kabinet Persekutuan dan pemimpin kanan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), saya ingin menyatakan sokongan tanpa berbelah bahagi kepada kepemimpinan beliau," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Beliau mengecam tindakan tidak bermoral media antarabangsa Barat yang mencampuri urusan pentadbiran negara dengan mendesak perleatkan jawatan Dr Mahathir, berikutan masalah keonani yang melanda negara ketika ini.

Katanya, jelas sekali tindakan mereka ada agenda tersirat yang berniat jahat iaitu cuba mengganggu-gugat keharmonian dan kestabilan negara serta percubaan untuk menjajah kembali negara melalui satu bentuk penjajahan baru melalui penjajahan ekonomi.

Abang Abu berkata, beliau menyokong secara bersepadu bersama-sama rakan-rakan Kabinet Persekutuan dan daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain terhadap kepemimpinan Perdana Menteri.

Katanya, beliau juga menyokong segala usaha Perdana Menteri dan Timbalannya menangani serangan 'lanun' yang telah menjejaskan pasaran saham dan matawang negara.

Menurutnya, rakyat Malaysia khususnya rakyat Sarawak amat terhutang budi kepada Perdana Menteri kerana melalui kepemimpinan beliau yang sudah menerajui negara selama lebih 16 tahun, Dr Mahathir banyak berjasa dan membawa perubahan.

"Kemakmuran dan kecemerlangan negara mengecapi pertumbuhan ekonomi lebih 8 peratus sejak lapan tahun lalu, sebenarnya dicemburui negara luar.

"Hakikatnya, Malaysia adalah negara kebanggaan dan model rujukan oleh negara-negara membangun seluruh dunia.

"Nikmat kemakmuran ini bukan sahaja dinikmati rakyat tempatan, malah menjadi rahmat kepada penduduk negara jiran apabila dianggarkan kira-kira 1.5 juta rakyat asing bekerja di pelbagai sektor dalam negara ini," katanya.

Abang Abu berkata, gaya kepemimpinan dan arah tuju wawasan Dr Mahathir pada hari ini begitu disenangi dan diterima seluruh rakyat sama ada di Semenanjung, mahupun di Sabah dan Sarawak.

Katanya, kestabilan negara yang dikecapi terbukti jelas adalah hasil toleransi, hormat menghormati dan kepercayaan tanpa prasangka yang diamalkan oleh seluruh lapisan masyarakat.

Menurutnya, ia juga menjadi asas pengukuhan perpaduan masyarakat pelbagai kaum yang mana fenomena seperti ini jarang kelihatan di negara lain di dunia.

"Sesungguhnya Dr Mahathir adalah 'Wira Bangsa' dan pencetus semangat untuk rakyat beroleh kejayaan dengan gagasan 'Malaysia Boleh'.

"Saya berkeyakinan rakyat Sarawakan terus memberi sokongan untuk melonjakkan nama negara ke persada kecemerlangan dan kegemilangan bersama-sama Perdana Menteri," katanya.

(END)